

MUKADIMAH:

Menyedari tanah air tercinta kita, Malaysia, merupakan:

- Sebuah negara yang bebas dan berdaulat dalam sebuah komuniti global;

- Sebuah tatanegara yang dibina berasaskan prinsip Raja Berperlembagaan serta sistem Demokrasi Berparlimen;

- Sebuah masyarakat berbilang etnik, kepercayaan serta pelbagai budaya yang terbentuk berdasarkan keahlian yang dipersetujui dan diterima bersama;

- Sebuah negara yang dibina, dipupuk dan dibentuk oleh pelbagai usaha, penat lelah serta sumbangan tidak ternilai yang diberikan oleh setiap lapisan masyarakat, terdahulu dan kini;

- Sebuah negara di mana rakyatnya terikat oleh sejarah serta warisan yang dikongsi, dan juga matlamat serta hala tuju yang sama;

- Tanah yang direstui dengan sumber alam semulajadi serta sumber insan yang kaya.

Dan menerima sepenuhnya prinsip sejagat yang tidak boleh diubah, yakni kita semua merupakan satu bangsa manusia dan dilahirkan setaraf;

DEKLARASI

Kami, Anak Bangsa Malaysia, dengan ini mengisytiharkan bahawa kami pertama-tamanya adalah warganegara Malaysia dan Malaysia merupakan tanah tumpahnya darah kami. Kami mempunyai aspirasi untuk menjadi suara hati nurani negara kita dan oleh itu berikrar untuk:

1) Memupuk semangat 'Bersekutu Bertambah Mutu' seperti yang dinyatakan dalam Pengisytiharan Kemerdekaan serta Hari Malaysia;

2) Menghormati serta mendukung Perlembagaan Persekutuan sebagai sumber perundangan

tertinggi Persekutuan.

3) Mempertahankan kebebasan asasi serta kesamarataan hak bagi setiap warganegara seperti yang digariskan dalam perlembagaan;

4) Menghormati setiap warganegara tanpa mengira perbezaan etnik, kepercayaan, warna kulit, kelas serta jantina;

5) Menentang segala bentuk prejudis, diskriminasi, penindasan, penganiayaan serta ketidakadilan;

6) Menghargai warisan kita yang dicorak oleh pelbagai budaya serta merayakan kekayaan kepelbagaian kita; dan

7) Menghormati serta melindungi alam semulajadi dan alam binaan kita;

1.

KOMITMEN

Kami, Anak Bangsa Malaysia, dengan ini bersedia berusaha bagi:

1) Melahirkan sebuah Pemikiran Bertunjangkan Kebangsaan yang mengutamakan berfikir serta bertindak sebagai, pertama-tamanya warganegara Malaysia;

2) Menarik Minda serta Hati dan Naluri masyarakat kita untuk bangkit melangkaui batasan

sosial serta daya pemecahbelahan oleh etnik, kepercayaan, warna kulit, kelas, dan jantina;

3) Menggalakkan Nilai-Nilai kemanusiaan sejagat, yakni, keterbukaan, kesamarataan dan keadilan untuk semua;

4) Memajukan prinsip-prinsip 'Tadbir Urus Yang Baik', iaitu, pengawasan pengamanahan, integriti, akautabiliti serta ketelusan;

5) Mendidik masyarakat kita untuk menjadi Warganegara Global yang bertanggungjawab serta prihatin dan menyumbang ke arah keamanan, kesejahteraan serta pembangunan mampan.

Kami komited bagi merealisasikan semangat serta isi dan dasar Anak Bangsa Malaysia – "Satu Bangsa, Satu Negara". Kami bertekad untuk membawa dan menyampaikan mesej ini

kepada MASYARAKAT MALAYSIA.

25 April 2009